

**Najib Amat Layak Dapat Mandat Rakyat - Felo Kanan Universiti Singapura
Bernama
7 April, 2013
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 7 April (Bernama) -- Felo kanan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang di sini, Yang Razali Kassim berpendapat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, merupakan isu utama pada pilihan raya umum ke-13 ini (PRU13).

Menyerlahkan dirinya sebagai pemimpin yang lebih layak diberi undi berbanding tokoh pembangkang (Ketua Umum PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim dan (Presiden PAS) Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Najib ialah seorang pemimpin demokrat yang sepatutnya diberi mandat oleh rakyat kerana beliau mempunyai wawasan untuk membawa Malaysia ke persada lebih gemilang, katanya.

Ahli akademik itu berkata PRU13 juga merupakan satu referendum tentang kepimpinan Najib.

"Kelebihan paling utama ialah wawasan beliau untuk Malaysia, yang telah dikemukakannya sejak empat tahun lepas apabila beliau mula menduduki kerusi perdana menteri.

"Najib meletakkan dirinya sebagai seorang pemimpin teknokrat yang mempunyai wawasan serta rancangan jitu untuk menjadikan Malaysia terus maju dan ini mewajarkan beliau diberi mandat oleh rakyat.

"Sekiranya wawasan Mahathir (bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad) untuk Malaysia ialah Wawasan 2020, wawasan Najib pula ialah 1Malaysia," kata Yang Razali kepada Bernama.

Beliau berkata rangka tindakan Najib ke arah mencapai wawasan itu mengandungi pelbagai rancangan transformasi yang beliau umumkan pada Sabtu malam (6 April), yang juga merupakan tonggak bagi manifesto atau aku janji Barisan Nasional (BN).

Yang Razali berkata politik Malaysia telah mengalami evolusi yang amat ketara dan keputusan PRU13 nanti akan menjadi landasan penting untuk menentukan sistemnya untuk masa akan datang.

Diminta mengulas tentang aspirasi rakyat Malaysia, beliau berkata: "Sebenarnya, Malaysia sudah mempunyai wawasan tentang perkara yang ingin dicapainya seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020.

"Ia sebuah masyarakat progresif seperti yang dinyatakan Dr Mahathir dua dekad lepas, (dan) kini diteruskan Najib melalui strategi 1Malysianya.

"Dunia unggul untuk rakyat Malaysia bukanlah sesuatu yang patut ditentukan atau diberi definasi oleh orang luar...ia suatu dunia apabila semua rakyat, tanpa mengira latar belakang kehidupan, menikmati keselesaan serta mempunyai tempat untuk menjalani kehidupan sebagai rakyat Malaysia.

"Ia juga suatu dunia yang menyuburkan semangat kekitaan dalam jiwa mereka dan membolehkan mereka sama-sama menikmati kehidupan secara aman, harmoni dan bahagia serta meraih nikmat daripada sebuah masyarakat maju, yang sekali gus

menyumbang kepada kesejahteraan komuniti global," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940212>